

# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan sosial

### #1 - Mengenal pasti kanak-kanak dan keluarga yang berisiko

Dapatkan persetujuan dengan pihak yang biasanya mengenal pasti kanak-kanak yang berisiko di peringkat komuniti dan pihak yang mula-mula memberi respons (contohnya polis dan perkhidmatan kecemasan) untuk memastikan tindak balas dan rujukan yang segera dan sesuai diambil.

**Kekalkan komunikasi dan perkongsian maklumat secara berkala dengan Talian Bantuan/Helpline setempat dan rakan komuniti, misalnya, melalui panggilan mingguan menerusi telefon, WhatsApp atau platform media sosial lain untuk:**

Berkongsi perkembangan terkini mengenai perubahan dalam panduan nasional / tempatan contohnya protokol yang berkaitan dengan sekatan pergerakan, langkah-langkah kesihatan awam yang baharu.

Berkongsi perkembangan terkini mengenai tindakan untuk melindungi kanak-kanak dan keluarga.

Bersetuju dengan prosedur standard untuk mendokumentasi dan merujuk kes kanak-kanak yang mungkin memerlukan tindakan susulan:

- Khususnya, kanak-kanak yang mempunyai keperluan kritikal untuk perlindungan atau kesihatan mental dan mereka yang mempunyai risiko tinggi untuk perpisahan
- Contohnya, kanak-kanak berisiko disebabkan oleh kecacatan, kematian atau penyakit dalam keluarga, keganasan pasangan intim dalam keluarga

Bersetuju dengan rakan komuniti tentang siapa yang harus mengambil tindakan susulan untuk menilai keadaan kanak-kanak dan/ atau keluarga berasaskan tipologi risiko perlindungan kanak-kanak, iaitu: kes

- ditugaskan kepada pekerja sosial profesional
- memerlukan tindakan susulan daripada pakar kesihatan mental
- memerlukan intervensi pihak polis dengan pekerja sosial, dan
- memerlukan sokongan rakan komuniti setempat.

Bersetuju dengan Hotline dan rakan komuniti setempat untuk mencatat maklumat hubungan kanak-kanak dan keluarga berisiko yang mereka kenal pasti, bagi membolehkan penilaian dan tindakan susulan, dan di mana maklumat itu akan disimpan.

- nama, nombor telefon, alamat kanak-kanak dan keluarga

Semak, kemas kini, selaraskan mesej utama perlindungan dan COVID-19

Senaraikan semua perkhidmatan dalam komuniti yang boleh diakses oleh kanak-kanak dan keluarga dan pastikan semua rakan komuniti mempunyai senarai ini

Kenal pasti hubungan dan peluang kerjasama antara perkhidmatan dan rakan komuniti dan selaraskan usaha kerjasama

Seterusnya:

- Kategori kanak-kanak dengan keperluan perlindungan yang tinggi
- Tindakan susulan yang sesuai dan pada masa yang tepat bagi setiap kanak-kanak / keluarga yang dikenal pasti

Maestral.



unicef  
for every child

Hantarkan maklum balas anda kepada kami melalui WhatsApp dengan mengimbas kod QR di bawah dan hantarkan perkataan yang telah dipra-muatkan.



# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebijakan social

### # 1 - Mengenal pasti kanak-kanak dan keluarga yang berisiko

Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!

Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini. Anda adalah wira.



## Kategori kanak-kanak dengan keperluan perlindungan yang tinggi

Kanak-kanak yang sudah diketahui berisiko untuk terpisah daripada keluarga sebelum pandemic

- Pekerja sosial profesional harus memberi sokongan berterusan dan mengambil tindakan susulan melalui telefon biasa atau kenalan maya lain untuk memantau keadaan mereka dan membolehkan tindak balas diambil sekiranya mereka dipisahkan.
- lihat TIP untuk pemantauan maya (# 7) untuk panduan selanjutnya.

Kanak-kanak dan keluarga yang telah terdedah atau terselamat dari penyakit tersebut dan mungkin berisiko berdepan stigma & dipulaukan

Kanak-kanak dalam keluarga di mana penjaga atau orang dewasa lain mungkin sakit

Kanak-kanak dalam keluarga di mana terdapat keganasan rumah tangga / keganasan berasaskan gender (GBV) / keganasan dalam kalangan pasangan intim (IPV) yang diketahui atau disyaki

Kanak-kanak dijaga oleh datuk nenek/ orang dewasa lain yang lebih tua, kerana orang dewasa yang lebih tua ini berisiko tinggi untuk COVID-19

Kanak-kanak atau remaja yang baru dibebaskan dari institusi penjagaan kanak-kanak dan disatukan semula dengan keluarga mereka atau hidup berdikari

Kanak-kanak dan keluarga yang berhijrah, pelarian, tiada kewarganegaraan dan pelarian dalaman, termasuk mereka yang tidak mempunyai dokumen

Kanak-kanak jalanan/gelandangan

Kanak-kanak yang melaporkan tentang situasi berisiko dan kemungkinan penderaan atau keganasan melalui talian bantuan berikut:

- WAO Hotline (03 7956 3488), TINA WhatsApp (018 988 8058), Talian Kasih (15999 atau WhatsApp 019 261 5999) atau Befrienders KL (03 7956 8144 atau 03 7956 8145)

## Tindakan susulan yang sesuai dan tepat pada masa ke atas kanak-kanak dan keluarga yang dikenal pasti

Mana-mana rakan komuniti yang mengenal pasti kanak-kanak dan/ atau keluarga dengan keperluan perlindungan yang tinggi atau berisiko tinggi untuk terpisah akan segera menghubungi perkhidmatan yang dipersetujui untuk penilaian susulan dan sokongan. Dalam situasi rakan komuniti tidak pasti siapa yang harus dihubungi, mereka akan merujuk kepada pekerja sosial profesional.

Pekerja sosial profesional, dengan kerjasama pakar kesihatan mental dan polis, akan memberi maklum balas terhadap pemberitahuan kes dalam masa 24 jam, mulanya melalui telefon dan jika diperlukan melalui lawatan sambil menjaga jarak sosial yang sesuai, untuk menilai keadaan kanak-kanak dan/ atau keluarga dan selepas itu merujuk kepada rakan komuniti untuk sokongan berterusan.

- lihat Tip Menilai Kanak-Kanak dan Keluarga Berisiko (# 2)

